



How to cite this article:

Haniff, H. S. N. A., Long, M. N. H., & Ahmad, N. H. (2021). Inisiatif dan Inovasi Institusi Zakat Era Pandemi Covid-19 – Satu Penelitian Terhadap Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). *International Journal of Islamic Business*, 6(2), 1-14. <https://doi.org/10.32890/ijib2021.6.2.1>

INISIATIF DAN INOVASI INSTITUSI ZAKAT ERA PENDEMIK COVID-19 – SATU PENELITIAN TERHADAP LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (LZNK)

Hazwan Syah Niezam Abdul Haniff¹, Muhamad Nor Habibi Hj Long², Nor Hayati Ahmad³

¹Othman Yeop Graduate Business School, Universiti Utara Malaysia

²Institut Penyelidikan Inovasi Zakat, Universiti Utara Malaysia

³Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia

Corresponding author: fahazwan@gmail.com

Received: 12 August 2021 Revised: 1 November 2021 Accepted: 10 November 2021 Published: 31 December 2021

ABSTRAK

Peranan Institusi Zakat ialah memastikan tujuan pensyariaan zakat dapat dirasai oleh umat manusia, ia bukan sahaja menyentuh aspek ibadah, tetapi juga aspek manfaat kepada kehidupan manusia. Justeru, peranan institusi zakat perlu diperkasakan dari masa ke masa. Situasi covid-19 menyaksikan banyak perubahan dan ramai yang terkesan dari sudut kesihatan mahupun ekonomi. Oleh demikian, institusi zakat, tanpa inisiatif dan inovasi tidak mungkin dapat memainkan peranan dengan efektif dalam menangani cabaran dan membantu kumpulan asnaf sedia ada dan juga kumpulan asnaf baharu dan miskin relatif dalam era covid-19. Justeru, objektif kajian ialah mengenalpasti cabaran dan inovasi yang dilakukan oleh institusi zakat di Malaysia. Kajian mendapati sangat sedikit institusi zakat yang terlibat dalam inovasi dan di antaranya, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang terkehadapan. Sehubungan itu, LZNK telah di pilih untuk memenuhi objektif kajian ini. Kaedah yang digunakan merangkumi penelitian teks, laporan dan temubual. Hasil kajian menunjukkan LZNK telah mengambil inisiatif pragmatik dan memperkenalkan inovasi yang berkesan dalam memperkasakan peranan institusi zakat untuk mencapai tuntutan Maqasid Al-Shariah. Hasil kajian ini di harap dapat menyumbang ilmu baru dan menjadi rujukan kepada berbagai pihak di dalam dan di luar negara bagaimana sesebuah institusi zakat dapat memainkan peranan melangkaui peranan tradisinya dengan anjakan paradigma dalam pengurusan dan inovasi dalam operasinya.

Kata Kunci: Zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah, asnaf, inovasi, Covid-19

INITIATIVES AND INNOVATIONS OF ZAKAT INSTITUTIONS IN THE ERA OF COVID-19 PANDEMIC: A STUDY IN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (LZNK)

ABSTRACT

The role of Zakat institutions is to ensure its Shariah-based function is felt by people, not only on aspects related to worship but also on life benefit matters. Therefore, the Zakat institutions' role needs to be enhanced from time to time. The Covid-19 situation revealed many changes and people's health and economy were affected. Zakat institutions may not be able to execute their role effectively on existing and the new "relative poor" asnaf without initiatives and innovations. The objective of this study is to identify the challenges and innovations of Malaysian Zakat institutions. The study found that very few Zakat institutions embarked on innovations but among these few, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) is leading. Hence, LZNK was selected to fulfil the objective of this study. The methodology involved analysis of relevant texts, reports and interviews. The findings show that LZNK has taken several pragmatic initiatives and innovations in enhancing the role of zakat institutions effectively towards fulfilling maqasid al-shariah. These findings will contribute new knowledge and be a center of reference to various parties locally and internationally on how a zakat institution could play its role beyond its traditional role through paradigm shift in management and innovations in operation.

Keywords: Zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah, asnaf, innovation, Covid-19

PENGENALAN

Setelah lebih setahun pandemik covid-19 melanda, masih tiada ura-ura bahawa kelangsungan ekonomi dan sosial dunia akan kembali pulih. Laporan kes jangkitan juga menunjukkan angka yang membimbangkan dengan purata kes positif melebihi 10,000 kes sehari. Situasi ini menunjukkan masa yang lebih panjang diperlukan untuk proses pemulihan.

Antara sektor yang sangat terkesan adalah sektor ekonomi, di mana kesan daripada pandemik ini telah mengubah landskap ekonomi global (INSKEN,2020). Pandemik Covid-19 juga memberi kesan kepada sektor kesihatan. Beberapa sektor ekonomi dan kesihatan dapat dilihat dengan jelas seperti, ia melahirkan kegusaran kepada masyarakat terhadap kemungkinan berlaku jangkitan virus yang membawa maut. Pihak industri pula turut merasai tekanan kerana pekerja mula bimbang untuk keluar bekerja. Keadaan semakin membimbangkan apabila banyak negara mula mengambil langkah menghalang rakyat untuk keluar melaksanakan aktiviti rutin termasuk untuk keluar berkerja. Kesannya, banyak sektor mula mencatu perbelanjaan mereka. Perbelanjaan hanya digunakan kepada perkara penting sahaja kerana bimbang akan kehilangan sumber pendapatan utama.

Tindakan kerajaan yang menghadkan pergerakan melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) membantut pertumbuhan ekonomi. Aktiviti ekonomi hanya tertumpu kepada ekonomi berteraskan keperluan asas sahaja. Pergerakan ekonomi normal yang berasaskan keperluan terpaksa dibataskan. Sebahagian besar kegiatan ekonomi terjejas kerana banyak firma terpaksa ditutup dan tenaga buruh diberhentikan kerja. Justeru, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka di jangka menerima impak besar daripada keadaan ini (Mohd Adib Ismail, 2020).

Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan bahawa berlaku peningkatan pengangguran di Malaysia sebanyak 4.8% pada disember 2020 dengan angka seramai 772,900 orang, dan laporan terbaru pada bulan Januari 2021 menunjukkan jumlah individu menganggur meningkat kepada 782,500 orang. Laporan Februari 2021 pula mencatatkan sedikit penurunan kepada 777,500 orang. Walaupun

begitu, keadaan ini tetap membimbangkan kerana kadar pengangguran masih dikira tinggi berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya, dimana kadar pengangguran meningkat 1.5 % kepada 3.3 % pada Februari 2020. (Jabatan Perangkaan Malaysia, Siaran Akhbar Statistik Utama Tenaga Buruh Di Malaysia, Februari 2021).

Kadar inflasi pula mencatatkan peningkatan 4.4% pada bulan Mei 2021 dan menurun sedikit kepada 3.4 % pada Jun tahun yang sama. Ini adalah peningkatan yang ketara berbanding Julai tahun 2020 yang hanya mencatatkan sekitar negatif 1.03% kadar inflasi di Malaysia. Kenaikan inflasi menyebabkan harga barang meningkat dan apabila ditambah dengan kadar pengangguran yang tinggi, beban kewangan dan penderitaan ke atas masyarakat, menjadi satu isu yang bukan sahaja mengancam individu tetapi turut mengancam negara.

Penelitian menunjukkan pandemik ini telah memberikan impak yang sangat besar kepada banyak pihak, ia bukan sahaja kepada kumpulan asnaf tetapi kumpulan B40 juga turut terkesan yang dahulunya sebahagian mereka bukan asnaf. Turut menerima kesan adalah kumpulan masyarakat yang mempunyai masalah kesihatan. Di samping itu terdapat peniaga-peniaga kecil yang tidak mampu meneruskan perniagaan kerana kekurangan modal di samping kuasa pembeli yang rendah. Pesakit yang memerlukan rawatan di hospital serta ubat-ubatan juga memerlukan kos, di samping mereka turut memerlukan kos pengangkutan untuk berulang-alik ke hospital. Pada masa yang sama mereka turut memerlukan duit bagi tujuan pembelian makanan, minuman serta keperluan lain. Bagi golongan peniaga kecil pula mereka turut terkesan kerana mereka hanya bergantung kepada jualan bersifat harian. Sebarang hasil perniagaan harian tersebutlah digunakan sebagai saraan keluarga (Ibrahim, 2020). Sebahagian golongan M40 juga turut terjejas disebabkan kebanyakan mereka adalah terdiri dari ahli perniagaan di peringkat pertengahan. Perniagaan mereka mengalami kemerosotan akibat pandemik Covid-19. Tambahan lagi, mereka mempunyai komitmen bulanan yang tinggi seperti penginapan, kenderaan, pembiayaan peribadi dan lain-lain.

KDNK Malaysia pada Ogos 2020 menguncup sebanyak 17.1 %. Walau bagaimanapun dengan inisiatif ransangan ekonomi daripada kerajaan, situasi menunjukkan sedikit pemulihan, namun pertumbuhan KDNK pada Februari 2021 adalah negatif 3.4% dan dijangka akan menguncup sebanyak 0.5% pada suku pertama 2021 (BNM, 2021). Dalam situasi ini, golongan asnaf menunjukkan tanda-tanda kesempitan hidup yang semakin parah. Berdasarkan laporan Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi (AEC), lebih 600,000 isi rumah daripada golongan berpendapatan pertengahan (M40) telah tergelincir ke dalam kategori golongan berpendapatan rendah atau 40. Ini memberi tamparan hebat terhadap pendapatan rakyat Malaysia. Bahkan laporan penganalisis ekonomi menyatakan bahawa, walaupun golongan M40 beralih menjadi B40 sudah mula terjadi sebelum daripada ini lagi, namun kesan pandemik ini menjadikan keadaan tersebut bertambah parah dengan lahirnya golongan miskin baharu yang dinamakan juga sebagai 'miskin relatif'. (Irwan Shah, 2021. Berita Harian, 19 April 2021).

Selain itu, sesi dialog yang diadakan Majlis Belia Malaysia (MBM) bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mendedahkan bahawa situasi ekonomi rakyat yang semakin meruncing terutamanya dalam tempoh pandemik ini. Antaranya 200,000 orang hampir kosong simpanan mereka di KWSP, 6.24 juta ahli di bawah 55 tahun hanya ada kurang daripada RM10,000 dalam Akaun 1, serta berdasarkan Purata Simpanan Kebangsaan Rakyat Malaysia, tanpa KWSP purata rakyat Malaysia yang mempunyai tabungan adalah negatif 0.5%. (Dialog Majlis Belia Malaysia (MBM) bersama KWSP – Berita Harian, 25 Jun 2021).

Justeru, pelbagai pihak diperlukan bagi membantu mengimbangkan ekonomi terutamanya di peringkat mikro. Di antara pihak atau agensi yang boleh memainkan peranan penting dalam membantu golongan yang terkesan ini adalah institusi zakat. Ini kerana institusi zakat merupakan antara badan rasmi yang mewakili kerajaan khususnya di peringkat negeri, yang menghimpunkan dana daripada orang ramai bagi

tujuan pengagihan kepada pihak yang memerlukan. Institusi zakat perlu memainkan peranan yang lebih aktif untuk terus membantu golongan asnaf sedia ada. Perkhidmatan institusi zakat juga perlu merangka strategi bagi membantu kumpulan baru yang dijangka akan jatuh kepada kategori asnaf, samada menjadi miskin ataupun tergolong di kalangan asnaf gharimin kesan daripada tanggungan hutang yang melampau. Kemunculan golongan 'miskin relatif' ini perlu diberi perhatian agar mereka tidak jatuh terus ke kelompok golongan miskin sebenar.

Pandemik Covid -19 ini benar-benar menguji institusi zakat dan keupayaan mereka untuk merangka inisiatif serta strategi-strategi baru untuk membantu asnaf sedia ada dan asnaf baharu. Persoalannya ialah mampukah institusi zakat melakukan semua ini dengan hanya menggunakan pendekatan lazim atau stereotaip? Atau perlukah institusi zakat melaksanakan inovasi baharu bagi mencapai tuntutan maqasid syariah bagi zakat itu sendiri?

MAQASID PENSYARIATAN ZAKAT

Persoalan di atas membawa kita meninjau Maqasid atau objektif pensyariatkan zakat. Zakat disyariatkan bukan sekadar untuk memenuhi tanggungjawab *ubudiyah* seorang hamba kepada Allah, tetapi turut bertujuan *ta'aquliyah*, iaitu untuk memberi manfaat kepada manusia. Jika diamati; antara objektif pensyariatkan zakat adalah bertujuan untuk:

- (i) Mengimbangi ekonomi umat manusia.
- (ii) Mampu membentuk jiwa yang baik dalam kalangan umat Islam berdasarkan firmah Allah swt.:

خذ من أموالهم صدقة تطهرهم وتزكيهم بها

Ertinya: "Ambillah oleh mu (wahai Muhammad) sebahagian daripada harta mereka (sebagai zakat) bagi menyucikan mereka dan menyuburkan lagi hartanya". (Surah At-Taubah, 103)

Syeikh Abdul Rahman A-Sa'di menjelaskan bahawa maksud menyucikan di dalam ayat ini adalah membersihkan manusia daripada akhlak yang buruk, dan menyuburkan pula adalah menyuburkan harta mereka. (As-Sa'di, 2002)

Zakat dan Keseimbangan Ekonomi

Kemiskinan merupakan antara masalah yang perlu ditangani segera terutamanya apabila membabitkan kemiskinan yang berpunca daripada sesuatu krisis seperti kesan Covid -19. Isu ini jika tidak ditangani segera, masalah kemiskinan akan semakin parah. Seterusnya akan menimbulkan masalah-masalah lain seperti keganasan dan keretakan rumah tangga, jenayah mencuri, kelaparan, bankrap dan sebagainya. Oleh itu menjadi tanggungjawab masyarakat Islam di semua peringkat untuk membantu menyelesaikan masalah kemiskinan tersebut dengan cara membawa mereka keluar daripada kemiskinan agar terpelihara maruah serta agama mereka (Abdul Hafiz Farghali,1989). Sesebuah masyarakat yang dapat menangani isu kemiskinan mereka dengan baik menjadikan mereka lebih dihormati dan kehidupan negara akan lebih sejahtera. Sebaliknya jika ia tidak ditangani dengan segera, masyarakat akan melarat dan negara akan menuju kepada kehancuran.

Di sini, Islam telah memperkenalkan satu sistem yang boleh membantu dalam merealisasikan tujuan tersebut iaitu sistem zakat. Syariat Islam meletakkan pembasmian kemiskinan sebagai salah satu objektif utama pensyariatannya. Zakat diperkenalkan sebagai memenuhi salah satu tuntutan keadilan sosial dalam sesebuah masyarakat (Ibrahim bin Muhammad ad-dhabi'i, 1988). Peranan zakat sebagai pengimbang ekonomi dapat dilihat melalui beberapa aspek. Kewajipan zakat contohnya, diasaskan kepada konsep mengambil kekayaan daripada harta yang berkembang atau berpotensi untuk berkembang. Kaedah pengiraan zakat pula, adalah berdasarkan % kekayaan seseorang tanpa melihat kepada siling kekayaan mereka. Ini bermakna semakin kaya seseorang itu semakin banyaklah zakat yang

akan dikenakan. Manakala kuyu ukur kekayaan yang dijadikan teras kewajipan berzakat pula adalah ditentukan syarak melalui konsep nisab. Melalui konsep ini, parameter miskin atau kaya seseorang adalah ditentukan oleh syarak.

Bagi penerima zakat pula, dikhususkan oleh syarak kepada lapan golongan asnaf sahaja sebagaimana Firman Allah s.w.t:

إنما الصدقات للفقراء والمساكين والعاملين عليها والمؤلفة قلوبهم وفي الرقاب والغارمين وفي سبيل الله وابن السبيل فريضة من الله والله عليم حكيم

Ertinya : “*Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil (petugas) zakat, orang yang dilunakkan hatinya (muallaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk jalan Allah (fi sabilillah) dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajipan daripada Allah. Allah Maha Mengetahui, Maha Bijaksana*”. (surah at-taubah, ayat 60)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa lapan golongan ini merupakan kumpulan sasar yang perlu disalurkan bantuan zakat tersebut. Dari aspek falsafahnya, sasaran ini boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan berhajat (*fakir, miskin, gharimin, ibnu, sabil* dan *ar-riqab*), kumpulan yang zakat diperlukan bagi tujuan pengukuhan agama (*muallaf* dan *fi sabilillah*) dan kumpulan yang menguruskan hal ehwal zakat (*amilin ‘alaiha*). (Qardhawi,1985 n.d.). Di sini dapat dilihat bahawa zakat perlu disalurkan kepada beberapa segmen masyarakat, lima daripadanya adalah daripada kumpulan yang sangat memerlukan. Manakala dua lagi adalah untuk mengukuhkan agama Islam itu sendiri. Manakala satu kumpulan lagi adalah pihak yang akan bertanggungjawab mengurus zakat itu.

Kesan agihan zakat kepada kumpulan asnaf akan memberikan kuasa beli kepada mereka, ini juga bermakna aliran tunai dalam negara akan berlaku dengan baik apabila zakat dapat diagihkan (Abdul Hamid Mahmoud Al-Ba’li, 1991). Dalam suasana kemelesetan ekonomi akibat wabak Covid -19, pengeluar barangan dan peniaga masih boleh mengharapkan permintaan atau *demand* daripada orang ramai hasil daripada tunai yang dimiliki mereka termasuk daripada golongan asnaf. Di samping segala teori berkaitan momentum zakat dalam pengimbangan ekonomi sesebuah masyarakat, tidak dapat dinafikan juga aspek *ubudiyyah* atau perhambaan yang menjadi teras kewajipan berzakat itu sendiri. Walaupun secara umum galakan kepada membantu pihak yang memerlukan itu sedia wujud di dalam syariat Islam seperti firman Allah:

أرأيت الذي يكذب بالدين (1) فذلك الذي يدع اليتيم (2) ولا يحض على طعام المسكين (3)

Ertinya: “*Tidakkah kamu melihat orang mendustakan agama? Mereka itu ialah orang yang mengabaikan anak yatim, dan juga orang yang tidak menggalakkan orang lain memberi makan kepada orang miskin*”. (Surah al-Maau’n: 1-3).

Sementara kewajipan zakat didatangkan secara mandatori iaitu sebagai rukun Islam. Penekanan agama ini menambahkan lagi harapan kepada masyarakat yang memerlukan itu agar terbela. Firman Allah swt :

والذين في أموالهم حق معلوم للسائل والمحروم

Ertinya: “*Dan di dalam harta mereka terdapat hak harta yang ditetapkan, ia bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak bernasib baik*” (surah al-maarij,24-25)

Zakat Mengimbangi Sikap Masyarakat

Secara asas, Islam mengajar seseorang muslim itu untuk menjauhi sifat kedekut kerana ia merupakan penyakit hati yang memberi kesan buruk kepada individu dan masyarakat. Firman Allah swt:

ولا يحسبن الذين يبخلون بما آتاهم الله من فضله هو خيرا لهم بل هو شر لهم سيطوقون ما بخلوا به يوم القيامة والله ميراث السماوات والأرض والله بما تعملون خبير

Ertinya: “Dan jangan sekali-kali orang-orang yang kedekut dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dengan kemurahanNya, menyangka bahawa keadaan kedekutnya itu baik bagi mereka. Tetapi sebaliknya ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diazab) dengan apa (harta) yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan milik Allah jualah segala warisan (kekayaan) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah amatmengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu lakukan”. (Surah ‘Ali-Imran: 180)

Imam Ibnu Katsir menjelaskan, ayat ini menyatakan bahawa orang yang bakhil akan ditimpa keburukan dalam hidupnya samada di dunia mahupun di akhirat. (Ibnu katsir, 2000). Melalui pensyariatan zakat dapat memberi kesan yang baik terhadap psikologi manusia terutamanya yang membabitkan kebimbangan terhadap kesusahan yang dijangka akan berlaku kepada mereka (Abdul Hamid Mahmoud al-ba’li, 1991). Berdasarkan dua objektif pensyariatan zakat yang disebutkan di atas, maka institusi zakat perlu berperanan terutama dalam suasana pandemik covid -19 ini. Segala idea serta bentuk usaha perlu digemblengkan bagi memastikan objektif tersebut benar-benar tercapai. Keindahan syariat ini perlu dijelmakan oleh umat manusia melalui suatu pendekatan yang bersepadu dan berkesan. Mereka yang terlibat di dalam pengurusan zakat tidak boleh hanya bergantung kepada kaedah tradisional dalam hal pengurusan zakat ini sahaja. Idea dan inovasi baharu perlu dijelmakan sebagai memenuhi tuntutan semasa terutamanya dalam era pandemik covid-19 ini.

Kepentingan Inovasi di Dalam zakat

Inovasi di dalam pengurusan zakat sangat penting bagi memastikan peranan dan tanggungjawabnya dapat di maksimakan. Sebagai contoh Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang telah memperkenalkan sebuah aplikasi yang dikenali sebagai e-Dermasiswa pada Januari 2009. Aplikasi ini menjadikan agihan zakat pendidikan kepada pelajar lebih efisien dan teratur (Teh Suhaila, 2016). Di Sudan juga pernah mencatatkan peningkatan kutipan zakat apabila mereka memperkenalkan akta Cukai dan Zakat Sudan pada tahun 1984 yang mewajibkan zakat kepada rakyat yang kaya (Siti Suriani, 2020). Ini membuktikan bahawa hanya dengan inovasi baharu dari pihak pengurusan zakat akan berjaya memastikan kelangsungan perkhidmatan zakat berpanjangan serta relevan dengan perkembangan semasa.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisa dokumen berkaitan pengurusan zakat dan juga temubual dengan kumpulan fokus. Dokumen seperti buku, artikel dan laporan rasmi beberapa agensi zakat dengan memfokuskan kepada inisiatif dan inovasi yang dilakukan serta mengkaji aspek maqasid syariah berkaitan zakat. Temubual dilakukan dengan pihak pengurusan dan kakitangan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang menjadi subjek kajian¹. Temubual tersebut telah membentuk pola-pola pemikiran pengurusan zakat dan menggariskan cabaran yang akan dihadapi serta

¹ Temubual telah diadakan pada 5 Julai 2021 sekitar jam 15.00, bertempat di Menara LZNK bersama Ketua Jabatan Agihan, LZNK, Penolong Pengurus Jabatan Agihan, LZNK. Temubual kedua diadakan pada 7 Julai sekitar jam 16.30 bertempat di Menara LZNK Bersama Penolong Pengurus Eksekutif, Bahagian Pembangunan Asnaf LZNK. Temubual ketiga diadakan pada 13 Julai 2021 sekitar jam 12.00 di Menara LZNK bersama Ketua Jabatan Teknologi Maklumat LZNK. Rujuk Lampiran A.

penyelesaiannya. Data sekunder yang diperolehi dari dokumen dan laman sesawang Lembaga Zakat Negri Kedah (LZKN) telah dianalisa secara analisis diskriptif. Selain daripada itu maklumat mengenai konsep zakat dan pensyariatannya diperolehi daripada Al-Quran, Hadith, Kitab Tafsir dan buku penulisan Ulama' kontemporari.

Cabaran Institusi Zakat Dalam Tempoh Covid-19

Kajian ini mendapati beberapa cabaran yang dihadapi oleh institusi zakat dalam tempoh COVID-19 seperti berikut:

Cabaran Pertama: Dapatan kajian menunjukkan agensi zakat adalah di antara agensi yang secara langsung terpaksa melalui cabaran dan terkesan dengan PKP. Seperti agensi lain, agensi zakat perlu menghadkan operasi dan pergerakan mereka tetapi pada masa yang sama, operasi kutipan dan agihan zakat tetap perlu diteruskan bagi menjamin kelangsungan asnaf yang sangat bergantung kepada dana zakat. Di peringkat operasi kutipan zakat, masalah dihadapi apabila ejen zakat terpaksa membataskan pergerakan untuk berjumpa dan berhubung dengan pihak *muzakki* (pembayar) atau pihak yang berpotensi menjadi *muzakki*.

Jika kutipan zakat terjejas, agihan zakat juga terjejas kerana agihan adalah bergantung kepada prestasi kutipan zakat sepenuhnya. Agensi zakat tidak menerima dana daripada kerajaan atau mana-mana pihak. Kebergantungan kepada sumber kutipan sahaja membuatkan agensi zakat sangat gusar apabila tidak dapat bergerak bagi mencari sumber baru dalam menampung dana zakat. Di antara pendekatan yang digunakan oleh bahagian kutipan zakat adalah dengan mereka turun ke lapangan sendiri untuk berjumpa dan berinteraksi dengan seramai mungkin individu mahupun pihak yang berpotensi membayar zakat. Kaedah menyantuni pembayar zakat adalah antara kaedah yang sangat berkesan bagi memastikan *muzakki* tersebut kekal menjadi pelanggan kepada sesebuah agensi zakat. Namun, fungsi kutipan zakat secara bersemuka tidak lagi relevan kerana arahan Perintah Kawalan Pergerakan. Sehubungan itu, inisiatif dan inovasi baru adalah diperlukan bagi memastikan kelancaran kutipan zakat.

Cabaran kedua ialah berkaitan penyebaran maklumat yang terhad. Sebelum COVID-19, kakitangan institusi zakat menyebarkan maklumat mengenai berbagai jenis zakat kepada kumpulan sasar secara bersemuka. Kumpulan sasar seperti pembayar zakat perniagaan sentiasa dihubungi dari masa ke semasa agar mereka tetap menjadi pembayar zakat kepada institusi zakat. Ini kerana kajian ini mendapati, era ledakan maklumat dan perhubungan tanpa sempadan ini menyebabkan pembayar zakat mempunyai pilihan untuk memilih institusi lain bagi menunaikan zakat mereka. Turut terdapat sebahagian pembayar zakat menyalurkan zakat mereka kepada pihak NGO kerana tertarik dengan strategi pemasaran mereka yang lebih menarik seperti bantuan ke Palestin dan seumpamanya. Kesannya, institusi zakat menghadapi risiko kekurangan pembayar dan kekurangan hasil kutipan (Ibrahim, 2020).

Cabaran ketiga ialah daripada aspek agihan. Institusi zakat menghadapi cabaran untuk mengagih dana memandangkan semakin ramai ahli masyarakat yang menjadi asnaf akibat covid-19. Ini berlaku apabila mereka hilang pekerjaan, muflis dan juga menanggung hutang yang tinggi. Berdasarkan kaji selidik khas yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2020) mendapati bahawa 52.6 % responden menyatakan sangat terkesan dalam tempoh PKP. Kaji selidik tersebut disertai oleh 168,182 responden sebagai pusingan pertama yang diadakan bagi tempoh 23-31 Mac 2020. Sektor yang mencatat peratusan kehilangan pekerjaan yang tertinggi adalah sektor pertanian dan perkhidmatan, ini termasuk sektor pelancongan iaitu masing-masing sebanyak 21.9 % dan 15.0 %. Ia adalah yang tertinggi berbanding sektor lain.

Sektor pertanian juga mencatatkan angka yang tinggi, sub sektor perikanan merupakan yang tertinggi mencatat kehilangan pekerjaan iaitu sebanyak 33.0 %. Bagi sektor perkhidmatan pula, sub sektor

perkhidmatan makanan dan minuman mencatatkan sebanyak 35.4 % pekerja yang hilang pekerjaan. Kajian juga mendapati bahawa 46.6 % pekerja yang bekerja sendiri kehilangan pekerjaan. Pada yang sama, laporan mendapati sebanyak (94.8 %) dari kalangan pekerja yang bekerja sendiri mengalami pengurangan pendapatan bulanan. Bahkan 35.5 % daripadanya mencatatkan pengurangan melebihi 90 %. Data ini direkodkan ketika negara sedang melalui fasa ketiga PKP. Menurut Nurul Adilah (2020). Keadaan ekonomi rakyat Malaysia akan semakin mencabar jika PKP terus dilanjutkan oleh pihak kerajaan, kesan negatif yang lebih besar dijangka akan berlaku.

Kajian ini mendapati cabaran-cabaran ini telah membuka ruang kepada institusi zakat untuk memperkenalkan beberapa inisiatif dan inovasi dalam melaksanakan peranan mereka untuk menolong kumpulan asnaf sedia ada dan asnaf miskin relatif ini. Dengan inovasi yang dilakukan itu ia akan menjadi asas kepada pemerkasaan peranan dan tanggungjawab institusi masyarakat (Teh Suhaila Tajuddin, 2016).

Inisiatif dan Inovasi Institusi Zakat Dalam Tempoh Covid-19

Hasil daripada penelitian laporan-laporan sekunder, kajian ini mendapati institusi zakat di Malaysia telah dan sedang melaksanakan peranan mereka secara agresif. Peranan mereka dalam meluaskan skop agihan zakat telah membantu kerajaan mengurangkan kesusahan rakyat. Ini dapat dilihat daripada data agihan di institusi-institusi zakat seluruh Malaysia seperti di Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Jumlah Agihan Institusi Zakat Negeri Seluruh Malaysia bagi tempoh Mac - Pertengahan April 2020

Bil	Institusi Zakat	Perbezaan Jumlah Agihan Zakat (RM JUTA)			
		Mac 2020	Pertengahan April 2020	Perbezaan RM JUTA /	%
1.	Majlis Agama Islam Kelantan	1	12.6	11.6	1160
2.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan	4.3	4.3	-	0
3.	Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak	6	6	-	0
4.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	11.95	14.35	2.4	20
5.	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	15	15	-	0
6.	Zakat Melaka & Majlis Agama Islam Melaka	3.6	4.26	0.66	18.3
7.	Majlis Agama Islam Johor	5.7	7.4	1.7	29.8
8.	Zakat Pulau Pinang	6	14.52	8.52	142
9.	Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	12.98	16.7	3.72	28.7
10.	Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	34.13	34.41	0.28	0.82
11.	Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu	3.3	20.2	16.9	512
12.	Bahagian Zakat & Fitrah Majlis Agama Islam Sabah	5	6	1	20
13.	Majlis Agama Islam & Adat Resam Melayu Pahang & Pusat Kutipan Zakat Pahang	2.7	12.12	9.42	348
14.	Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis	3.98	3.98	-	0
	JUMLAH	119.36	171.84	52.48	43.97

Sumber: Laman Sesawang Institusi Zakat dan Kisah Zakat Malaysia

Berdasarkan Jadual 2, agihan zakat meningkat sebanyak RM52.48 juta daripada RM119.36 juta pada bulan March 2020 kepada RM171.84juta dalam pertengahan April 2020. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 43.97 %. Di kalangan institusi zakat tersebut, Majlis Agama Islam Kelantan telah mencatatkan peningkatan agihan yang paling tinggi untuk tempoh Mac sehingga pertengahan April 2020.

Di samping peranan institusi zakat dalam mengagihkan sumber daripada zakat, terdapat sebahagian institusi turut memperkenalkan inisiatif lain. Antaranya seperti mewujudkan tabung khas covid bagi menampung keperluan asnaf yang semakin bertambah. Antara yang terkedepan dalam usaha ini adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ- MAWP) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

Pihak PPZ-MAIWP telah menubuhkan sebuah inisiatif yang dikenali sebagai Tabung Musaadah Khaira COVID-19 bagi membantu mengurangkan bebanan pihak yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Laporan juga menunjukkan inisiatif yang diperkenalkan oleh PPZ-MAWP ini telah berjaya meringankan beban sebahagian peniaga kecil dan pekerja B40 bagi melangsungkan kehidupan mereka. Antara keistimewaan inisiatif ini adalah di mana golongan bukan islam turut layak menerima bantuan tersebut berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak PPZ-MAWP (Ibrahim, 2020).

INOVASI AGIHAN LZNK DALAM TEMPOH COVID-19: SATU PENILAIAN

Kajian ini mendapati LZNK adalah di antara institusi zakat yang terkehadapan dalam aspek inovasi dan penggunaan teknologi maklumat untuk pengurusan zakat. Pendekatan media juga aktif digunakan dalam meningkatkan penyebaran maklumat. Hasil daripada temubual dengan kumpulan pengurusan LZNK, kajian ini mendapati kumpulan pengurusan mendokong visi dan misi untuk menjadikan LZNK sebagai sebuah institusi kewangan sosial yang bertaraf antarabangsa. Penekanan LZNK akan tertumpu kepada inisiatif untuk meningkatkan taraf ekonomi ummah melalui perkhidmatan berkualiti yang menyeluruh berteraskan hukum syarak. Ini adalah anjakan paradigma yang lebih luas dan bukan hanya tertumpu kepada fungsi klasik zakat.

Pihak pengurusan LZNK berpandangan dalam suasana pandemik ini, institusi zakat perlu melahirkan lebih banyak inovasi baharu agar fungsi sebenar mereka benar-benar dapat dirasai serta mampu mengurangkan impak buruk kesan pandemik Covid-19 kepada setiap lapisan asnaf dalam usaha memenuhi tuntutan maqasid syariah. Inovasi ini bermula dengan memahami maksud sebenar inovasi. Inovasi merupakan suatu idea, amalan, atau objek yang dianggap baharu. Samada atas kapasiti individu atau kapasiti kumpulan bagi sesebuah sistem (Yusup Hasim, 1994). Beberapa pendekatan baru dan inovasi yang diperkenalkan oleh LZNK dalam tempoh pandemik adalah seperti berikut:

Asnaf Care

Hasil kajian mendapati *Asnaf Care* telah diwujudkan sebagai tabung khas bagi membantu golongan yang terjejas. Di waktu sukar seumpama ini, LZNK menyeru masyarakat terutamanya penduduk negeri Kedah agar sama-sama membantu dengan membuktikan solidariti serta empati mereka kepada ummah dengan menyalurkan sumbangan secara atas talian serendah RM2.45. *Asnaf Care* merupakan sebuah sistem atas talian yang telah dibangunkan oleh kakitangan LZNK secara *in house*. Aplikasi ini berjaya dibina dalam tempoh masa yang singkat. Sistem ini memaparkan sembilan jenis item yang boleh disalurkan sebagai sumbangan kepada asnaf. Antaranya adalah makanan seperti beras, minyak masak, sardin dan sebagainya. Untuk memberi sumbangan orang ramai hanya perlu melayari laman sesawang www.asnafcare.com.my. Setiap barangan yang dibeli akan disalurkan sebagai sumbangan kepada kumpulan asnaf. Pihak LZNK meletakkan sasaran sekitar RM36 juta dalam bentuk sumbangan melalui *asnaf care* ini untuk memberi manfaat kepada lebih kurang 700,000 keluarga dalam tempoh enam bulan. (sumber: LZNK).

Pemeriksaan Pusat Bekalan Makanan atau 'Food Bank'

Dapatan kajian mendapati bahawa Pusat Bekalan Makanan Fakir Miskin atau *food bank* LZNK telah diperkenalkan secara rasminya oleh KDYM Tuanku Sultan Kedah pada bulan Februari 2020. Inisiatif ini adalah satu inovasi kerana food Bank ini ditempatkan di seluruh masjid kariah dalam negeri Kedah

yang berjumlah 578 buah. Penempatan food bank di masjid ini di akui sebagai inovasi baru di peringkat global. Objektif teras adalah untuk memastikan tiada lagi mana-mana umat Islam di dalam negeri Kedah yang terpaksa mengadu kelaparan kerana terputus bekalan makanan. Mana-mana individu yang terputus bekalan makanan boleh terus ke masjid kariah masing-masing bagi mendapatkannya. LZNK memperuntukkan dana sebanyak RM10.5juta setahun. Dengan menggunakan konsep pek bekalan makanan asasi seperti beras, tepung, gula, minyak masak dan umpamanya akan dihantar pada setiap bulan ke seluruh masjid kariah dalam negeri Kedah. Secara tidak langsung mendorong orang ramai lebih mesra masjid. LZNK juga telah meningkatkan bekalan makanan di setiap Pusat Bekalan Makanan tersebut daripada 30 pek makanan setiap bulan kepada 1000 pek. Agihan dibuat dalam empat fasa. Bekalan makanan tambahan ini menelan belanja tambahan sebanyak RM10.8juta.

Kajian mendapati LZNK juga telah memperkasakan sistem pengurusan agihan pek makanan di peringkat masjid dengan memberi latihan dan pemantauan berkala kepada penolong-penolong amil yang dilantik di setiap masjid bagi mewakili LZNK di kariah masing-masing. Dalam hal ini LZNK telah memberi sumbangan yang signifikan kepada masyarakat. Melalui hasil garapan bekal makanan dan kompetensi penolong amil, 'food bank' LZNK dapat memberi sinar kepada asnaf yang terputus bekalan makanan dan ini selaras dengan asas Maqasid Syariah yang bertujuan menjaga nyawa manusia.

Sistem JOM LAPOR ASNAF.

Kajian mendapati antara sebab utama banyak pihak kurang mempercayai institusi zakat adalah kerana terdapat banyak kelemahan dalam proses pengagihan zakat. Antara faktor kelemahan yang dikenal pasti adalah dari sudut pelaporan asnaf samada dari segi mengenal pasti asnaf mahupun proses dokumentasi. Kelemahan ketara ini antaranya adalah disebabkan kebanyakan institusi zakat masih bergantung kepada sistem manual ataupun capaian sistem digital yang masih terbatas. Di samping itu antara faktor yang turut menyumbang kepada kurang kepercayaan tersebut adalah digambarkan seolah-olah berlaku kurang telus dalam agihan zakat, kesan daripada pelaporan awam yang terhad. Bagi menangani isu tersebut, LZNK telah mengadakan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Dan Inovasi Zakat (IPIZ) Universiti Utara Malaysia untuk membangunkan sebuah model aplikasi yang dikenali sebagai 'JOM LAPOR ASNAF'. Hasil Kerjasama tersebut aplikasi ini berjaya dibangunkan dan dilancarkan untuk kegunaan orang ramai pada bulan Mei 2021.

Objektif aplikasi ini untuk membuka ruang seluas-luasnya kepada orang ramai untuk turut membantu melaporkan mana-mana asnaf yang dijumpai mereka. Di samping itu, ia boleh meningkatkan keupayaan penyampaian maklumat berkaitan zakat. Aplikasi ini juga mampu menunjukkan ketelusan dan keberkesanan proses permohonan zakat dan mengurangkan aspek birokrasi pentadbiran. Aplikasi ini dibangunkan dengan menampilkan ciri-ciri mesra pengguna. Setiap pelaporan yang dibuat oleh mana-mana pihak akan terus dapat diakses oleh pegawai zakat yang bertugas samada di peringkat daerah mahupun ibupejabat. Untuk sebarang permohonan zakat pula ia boleh dipantau terus oleh penolong amil yang bertindak mewakili LZNK di peringkat kariah masing-masing.

Bagi menambahkan lagi keberkesanannya setiap pelapor bagi pihak asnaf boleh memantau sendiri melalui aplikasi tersebut sejauh mana kemajuan laporan mereka. Dengan cara ini segala maklumat berkaitan asnaf dapat dipantau dengan baik oleh semua pihak yang terlibat dan sekaligus berjaya meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap ketelusan institusi zakat. Aplikasi ini juga memudahkan pihak pengurusan zakat melaksanakan proses dokumentasi asnaf serta memudahkan proses semakan semula pada masa-masa akan datang. Di samping ia turut membantu dalam mengenal pasti sekiranya berlaku pertindihan permohonan dan seumpamanya. Sistem ini juga akan dapat mengurangkan risiko penipuan oleh sebahagian pemohon yang tidak bertanggungjawab dengan cara pemantauan awam yang lebih luas capaian dan liputannya.

Program Vaksinasi Covid-19 Dengan Kerjasama LZNK - KKM.

Selari dengan usaha kerajaan untuk memastikan seramai mungkin rakyat Malaysia mendapatkan vaksin Covid-19, maka LZNK telah melancarkan Program vaksinasi covid-19 dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Justifikasi program ini ialah mengatasi masalah penduduk kawasan pedalaman yang mengalami kesukaran untuk keluar ke pusat vaksinasi kerana masalah jarak dan pengangkutan. Pendekatan yang digunakan ialah menggunakan program Klinik Bergerak LZNK yang telah wujud lebih awal. Klinik bergerak LZNK ditubuhkan pada tahun 2020 telah memberi perkhidmatan kesihatan secara mobil terutamanya kepada golongan asnaf dan masyarakat di negeri Kedah yang memerlukan. Klinik bergerak ini telah dibangunkan hasil kerjasama LZNK bersama KPJ Healthcare Berhad (KPJ) serta Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB). Klinik Program ini telah mendapat kelulusan penuh daripada Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) Kementerian Kesihatan Malaysia dan dibenarkan beroperasi dalam radius 100km daripada ibu pejabat LZNK.

Antara kelengkapan dan kemudahan yang tersedia dalam Klinik Bergerak LZNK adalah mini lif untuk pesakit berkerusi roda, katil perubatan untuk pembedahan kecil sekiranya perlu, peti sejuk yang mencukupi, gas untuk bantuan pernafasan kecemasan dan lain-lain lagi. Operasi perkhidmatan Klinik Bergerak LZNK telah dijalankan dengan kerjasama Kedah Medical Centre (KMC) yang merupakan anak syarikat KPJ Health Care Berhad. KPJ menyediakan tenaga pakar seperti seorang doktor dan empat orang kakitangan perubatan serta ubat-ubatan yang bersesuaian. Manakala van perubatan dan kos yang terlibat ditanggung oleh LZNK. Kajian mendapati pihak LZNK telah bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah Padang Terap dan Pejabat Daerah Padang Terap untuk mengguna klinik bergerak LZNK sebagai Unit Vaksinasi Bergerak Covid-19 di Padang Terap. Sasaran penerima manfaat ini adalah warga emas, OKU serta asnaf yang tidak mempunyai kemudahan untuk keluar ke Pusat Vaksin Daerah bagi menerima suntikan. Operasi ini juga telah mendapat liputan meluas pelbagai media-media utama seperti TV3, RTM, Utusan, The Star dan lain-lain lagi. Ini adalah inisiatif pertama seumpamanya dibuat di Malaysia melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Kerjasama Strategik LZNK Bersama Pusat Pengajian Tinggi

Kerjasama strategik LZNK Bersama Pusat Pengajian Tinggi adalah satu lagi inovasi LZNK. Melalui Kerjasama ini LZNK telah mewujudkan kerjasama strategik dalam bentuk penyelidikan, bicara ilmu dan pusat rujukan. Kerjasama pintar melalui penyelidikan ini telah diadakan dengan tiga buah Universiti tersohor yang berada di dalam negeri Kedah iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniShams) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Merbok. Setiap pusat pengajian tersebut di khususkan perannya mengikut bidang kepakaran masing-masing. Universiti Utara Malaysia (UUM) ditubuhkan Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) dengan pengkhususan membuat penyelidikan dan inovasi dalam pengurusan zakat. Hasil Kerjasama ini pihak IPIZ telah menghasilkan banyak kajian bermanfaat yang boleh digunakan oleh LZNK. Antaranya hasilnya ialah aplikasi Jom Lapor Asnaf[®] di atas. Selain itu IPIZ juga telah menghasilkan kajian pelan strategik LZNK 2021-2025. Secara keseluruhannya lebih 80 kajian telah dihasilkan oleh IPIZ.

Bagi Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS) pula ditubuhkan sebuah pusat rujukan fiqh zakat kontemporari. Pusat ini berfungsi mengkaji kitab-kitab turath dan isu-isu fiqh zakat. Dengan itu dapat membantu LZNK menyelesaikan permasalahan berkaitan dengan hukum-hakam. UiTM pula berperanan sebagai pusat kajian data bagi membantu LZNK untuk mendapatkan data yang tepat bagi memastikan kutipan serta agihan dapat dioptimumkan penyampaian dan keberkesannya.

Kolaborasi Bersama Institusi Kewangan Islam

LZNK telah melangkah ke depan untuk menjadi satu institusi kewangan sosial Islam bertaraf dunia dengan mengadakan kerjasama dengan beberapa institusi kewangan dan perbankan Islam di Malaysia. Usahasama ini sangat memberi manfaat kepada masyarakat sejagat. Pertama, kerjasama LZNK dengan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) telah berjaya membina beberapa buah rumah asnaf di negeri kedah melalui skim wakalah agihan balik. Secara spesifiknya, 10 buah rumah Asnaf dibina dan 17 buah rumah yang dibaik pulih. Manakala Kerjasama LZNK dengan Etika Takaful telah berjaya membina 10 buah rumah asnaf di samping 45 buah rumah yang berjaya dibaik pulih.


Kerjasama LZNK dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pula melibatkan projek pembinaan rumah asnaf yang dikenali sebagai Skim Pembiayaan Rumah Asnaf Bergaji telah dihasilkan. Projek ini menggunakan kaedah 50% + 50%, iaitu pihak LZNK menampung 50% kos pembinaan rumah manakala 50% baki kos diberi oleh BIMB melalui pembiayaan kepada asnaf. Hasil temubual dengan CEO LZNK, Tuan Syekh Zakaria Bin Othman menyatakan, LZNK akan menanggung RM22,500 yang merupakan separuh daripada kos keseluruhan pembinaan rumah yang bernilai RM45,000. Manakala Bank Islam pula akan memberi pinjaman bagi bakinya kepada pemohon yang layak. Menerusi usahasama yang inovatif ini, asnaf tidak perlu menanggung beban hutang yang tinggi tetapi hanya perlu membayar kira-kira RM260 sebulan kepada pihak bank bagi tempoh 10 tahun.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Kajian ini mendapati bahawa zakat adalah salah satu sistem keadilan sosial Islam yang menjamin kelangsungan hidup manusia. Ia adalah anugerah Ilahi yang maha pemurah untuk golongan yang kurang bernasib baik dan peluang berbakti kepada golongan yang berkemampuan. Pensyariatan zakat mengandungi maqasid duniawi dan ukhrawi. Kajian juga mendapati, institusi zakat telah memainkan peranan yang berkesan untuk memastikan tujuan tersebut tercapai. Namun begitu inisiatif dan inovasi masih perlu dilipatgandakan lagi untuk mendepani pelbagai cabaran dalam pengurusan zakat. Pandemi Covid-19 mendesak institusi zakat untuk keluar daripada kebiasaan mereka dalam mengurus zakat. Inisiatif yang dikemukakan oleh LZNK dalam suasana covid-19 perlu dijadikan tauladan kepada semua pihak yang berpartisipasi dengan pengurusan zakat khususnya agensi zakat negeri-negeri lain.

Di samping menepati maqasid syariah, inisiatif yang diperkenalkan LZNK adalah selari dengan matlamat yang ingin dicapai di dalam *Sustainable Development Goals (SDGs)* Bank Dunia terutamanya melalui *pillar* satu, dua dan tiga iaitu 'no poverty', 'zero hunger' dan 'good health dan wealth being'.

Kajian ini juga mendapati pelaksanaan inovasi yang dilakukan juga adalah bertepatan dengan analisa hukum fiqh (*takyif fiqhiy*). Sebarang ijtihad yang dilakukan dalam inovasi turut merujuk kepada pandangan pakar-pakar Syariah. Ia bertujuan agar segala inovasi yang dilakukan tidak bertentangan dengan nas dan kaedah hukum yang menjadi teras ilmu pengurusan zakat.



Rajah 1. Model Inovasi LZNK.

PENGHARGAAN

Artikel ini tidak menerima sebarang geran daripada mana-mana agensi samaada awam, komersial atau sektor tidak berorientasi keuntungan. Barisan penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada LZNK dan juga individu-individu yang terlibat di atas segala maklumat dan bantuan semasa kajian ini di jalankan.

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Farghali Ali al-Qarni (1989). *Az Zakah Wa Hajatul 'Asr, Kaherah: Dar Sohwah*. Ms8
- Abdul Rahman As-Sa'di (2002). *Taysiir Al-Karim Al-Rahman*, Dar As-Salam, Riyadh, Arab Saudi, jilid 3/277, 401
- Al-Qardhawiy (1985). *Fiqh Az-Zakah, Muassasah Ar-Risalah*, Beirut. ms628
- At-thobari, Jaamiul Bayan (1994). *Muassasah Risalah*, Beirut, jilid 7/371
- Astro Awani (2021, 18 Jun) COVID-19: *Lebih 600,000 isi rumah M40 tergelincir ke kategori B40*. Dicapai daripada <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/covid19-lebih-600000-isi-rumah-m40-tergelincir-ke-kategori-b40-303788>
- Berita Harian. (19 April 2021). *M40 berisiko beralih kepada B40*. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/04/808318/m40-berisiko-beralih-kepada-b40>
- Buletin Suku Tahunan (2021). *Perkembangan Ekonomi Malaysia*. Dicapai daripada https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3434930/p3_bm.pdf
- Dr. Abdul Hamid Mahmoud Al-Ba'li (1991). *Iqtisodiyat Az-Zakah*, Dar As-Salam, Kaherah, ms108
- Ibnu Katsir (2000). *Tafsir Al-Quran Al-'Azhim, Maktabah Aulad As-Syeikh At-Turath*, Giza, 3/277
- Ibrahim Bin Muhammad Ad-Dhabi'I (1988). *As-Sadaqat Wa Athaaruha 'Alal Fardi Wa Al-Mujtama'*, Mathabi' Al-Watan Al-Fanniyah, ms5
- Ibrahim, M. F. (2020). *Pandemik covid-19 dan implikasi terhadap institusi zakat di Malaysia sebagai institusi kewangan sosial Islam*. E-Prosiding Seminar Kewangan Islam Kebangsaan.
- Ketua Jabatan Agihan LZNK, Ketua Jabatan Teknologi Maklumat LZNK, Penolong Pengurus Jabatan Agihan, LZNK, Pengurus Eksekutif, Bahagian Pembangunan Asaf LZNK. (2021, Julai 5, 6 & 13), Inovasi LZNK dalam mendepani Covid-19 (temubual)

- Kesan Pandemik Covid-19 Kepada Usahawan* (2020) (<https://www.insken.gov.my/article/kesan-pandemik-covid-19-kepada-usahawan/>)
- Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Survei Khas Kesan Covid-19 Kepada Ekonomi Dan Individu*. Dicapai pada 28 Jun 2021 di https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis_Survei_Khas_Kesan_COVID-19_Kepada_Ekonomi_dan_Individu-Laporan_Penuh.pdf
- Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2021). *Siaran Akhbar Statistik Utama Tenaga Buruh Di Malaysia*, Februari 2021. Dicapai pada 1 Julai 2021 di <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=UXIFcW1pSnhhZUFSSTc0RDhnR3V3dz09>
- Mohd Adib Ismail (2020). *Covid-19 dan ekonomi negara*. Dicapai daripada <https://www.ukm.my/dradib/covid-19-dan-ekonomi-negara/>
- Mohd Nasaruddin Parzi (2021, 25 Jun). *Pakej bantuan besar-besaran elak rakyat terus sengsara*. BH Online. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/832020/pakej-bantuan-besar-besaran-elak-rakyat-terus-sengsara>
- Mohd Faisol Ibrahim (2020). *Pandemik Covid-19 Dan Implikasi Terhadap Institusi Zakat Di Malaysia Sebagai Institusi Kewangan Sosial Islam*. E-Prosiding Seminar Kewangan Islam Kebangsaan 2020. 28 April – 21 Mei 2020. Dicapai daripada https://www.researchgate.net/publication/345319377_PANDEMIK_COVID-19_DAN_IMPLIKASI_TERHADAP_INSTITUSI_ZAKAT_DI_MALAYSIA_SEBAGAI_INSTITUSI_KEWANGAN_SOSIAL_ISLAM/link/5fa3b441a6fdcc0624150e58/download
- Nurul Adilah Hasbullah, Asmak Ab Rahman, *Peranan Pemegang Taruh Dalam Menjaga Kebajikan Ekonomi Rakyat Semasa Pandemik Covid-19 Dari Perspektif Ekonomi Islam*, The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research Vol. 17, Special Issues 2020, Pp. 71-89 ISSN: 1823-075X, e-ISSN: 0126-5954
- Perkembangan Ekonomi Malaysia. (2021). *Buletin Suku Tahunan*. Dicapai daripada https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3434930/p3_bm.pdf
- Siti Suriani Othman, *Inovasi Zakat Dalam Orientasi Pembangunan Jangka Panjang*, Universiti Sains Islam Malaysia, Disiarkan pada 11 November 2020
- Teh Suhaila Tajuddin, NurNaddia Nordin, Aza Shahnaz Azman, Norzalina Zainudin (2016). *Inovasi Agihan Zakat Secara Elektronik Melalui E-Dermasiswa*, Proceeding of the 2nd International Conference on Economics & Banking, e-ISBN: 978-967-0850-40-5
- Rujukan dalaman Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) secara temubual.
- Yusup Hashim (1994). *Penggunaan Teknologi Dalam Inovasi Pendidikan*, Pendidikan Dan Pendidikan, Jilid 13